

28,000 tiket bas ekspres waktu puncak menjelang raya habis dijual

Oleh Hazira Ahmad Zaidi - April 24, 2022 @ 7:17pm
bhnews@bh.com.my

KOTA BHARU: Sejumlah 28,000 tiket bas ekspres Konsortium E-Mutiara untuk perjalanan ke seluruh negara membabitkan waktu puncak dari 26 April ini hingga malam raya, sudah habis dijual.

Pengerusi Eksekutif Konsortium E-Mutiara Berhad, Che Ibrahim Che Ismail, berkata trip paling banyak bagi jadual perjalanan pada musim perayaan Aidilfitri ini membabitkan laluan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu.

Namun, katanya, jualan tiket tidak membabitkan waktu puncak, masih ada dan mereka yang memerlukannya boleh menghubungi pihak syarikat atau menempah melalui sistem dalam talian.

Beliau memaklumkan sebelum ini, jadual perjalanan hanya membabitkan 90 trip sehari di seluruh negara.

"Bagaimanapun, pihak kami akan menambah 30 lagi perjalanan menjadikan keseluruhannya 120 di seluruh negara, kerana menjangka berlaku peningkatan jualan tiket pada musim perayaan.

"Justeru, penumpang digalakkan merancang perjalanan dan membeli tiket lebih awal bagi mengelak sebarang masalah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan penyampaian zakat oleh Konsortium E-Mutiara di Ibu Pejabat Konsortium E-Mutiara Berhad di Kampung Panji, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau menyerahkan sumbangan zakat kepada 300 penerima membabitkan anak yatim dan ibu tunggal untuk menambah keceriaan mereka menyambut Aidilfitri, tidak lama lagi.

Mengulas lanjut, Che Ibrahim memaklumkan, pihaknya tidak menghadapi masalah kekurangan pemandu bas untuk memenuhi keperluan peningkatan perjalanan.

Beliau berkata, ini kerana mereka yang pernah berkhidmat dengan Konsortium E-Mutiara sanggup datang kembali bekerja apabila dipanggil, dan pihaknya kini mempunyai seramai 150 pemandu dengan 70 bas ekspres.

"Malah dalam perjumpaan diadakan bersama pemandu bas, hari ini, kesemua mereka menyatakan sanggup bekerja mengikut jadual dikeluarkan oleh bahagian operasi," katanya.



Sejumlah 28,000 tiket bas ekspres Konsortium E-Mutiara untuk perjalanan pulang ke seluruh negara sudah habis terjual membabitkan waktu puncak bermula 26 April hingga malam raya. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya juga bersyukur dapat kembali beroperasi sepenuhnya selepas dua tahun berdepan kesan pandemik COVID-19.

"Namun, pendapatan diperoleh kini masih di bawah kadar yang diraih sebelum pandemik, dan memerlukan masa untuk pulih sepenuhnya.

"Insya-Allah selepas Hari Raya ini, kita berharap tidak ada lagi masalah seperti yang dihadapi sebelum ini," katanya.